

23 MAY 2002

Dewan-Sabah (Balak)

CHINA BELUM BUAT KEPUTUSAN RASMI TOLAK PROJEK KERTAS DAN PULPA

KOTA KINABALU, 23 Mei (Bernama) -- Kerajaan China belum membuat sebarang keputusan rasmi sama ada meneruskan atau sebaliknya perjanjian usaha sama yang dimeterai dengan kerajaan Sabah bagi melaksanakan projek kertas dan pulpa bernilai RM4.56 bilion di Kalabakan, Tawau.

Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Abdul Ghapur Salleh berkata tiada kata putus yang dicapai setakat ini berhubung projek berkenaan walaupun kedua-dua pihak telah mengadakan rundingan untuk tujuan itu.

"Sebenarnya kita belum dapat keputusan rasmi dari kerajaan China dan laporan mengatakan bahawa projek itu akan dialihkan ke Thailand adalah spekulasi semata-mata," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah di sini hari ini ketika menjawab soalan Datuk Joseph Pairin Kitingan (BN-Tambunan).

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek mungkin dipindahkan ke negeri lain kerana kerajaan China tidak bersetuju dengan beberapa syarat yang dikenakan oleh kerajaan Sabah seperti yang terkandung dalam perjanjian usaha sama itu.

Berikutan itu, kerajaan Sabah telah menghantar delegasi khas ke China bagi mengadakan rundingan susulan sebagai usaha terakhir untuk menjayakan projek itu.

Rundingan itu membabitkan beberapa wakil Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB), sayap pelaburan Yayasan Sabah (YS) dengan wakil syarikat Fuxing Pulp dan Paper Industries Ltd di China.

Ketika menjawab soalan tambahan Dr Maximus Ongkili (BN-Tandek), Abdul Ghapur berkata sekiranya projek usaha sama itu gagal, ICSB mungkin melaksanakan sendiri projek berkenaan.

Pembantu Menteri Kewangan Negeri Datuk Hajiji Mohamad Noor pula berkata kerajaan negeri telah memutuskan untuk membenarkan Syarikat Diriwan Corporation Sdn Bhd beroperasi semula untuk menjual nombor ramalan di Sabah sejak Disember 2001 dengan syarat syarikat itu membayar semua tunggakan sewa.

Beliau menjawab soalan Datuk Yong Teck Lee (BN-Likas) yang ingin mengetahui sama ada syarikat itu telah mematuhi sepenuhnya perjanjian bagi padang lumba kuda Tambalang, di Tuaran, termasuk membayar tunggakan sewa.

Hajiji berkata syarikat itu telah bersetuju membayar tunggakan sewa sebanyak RM4.25 juta secara ansuran.

Jabatan Peguam Besar Negeri telah diminta untuk menyediakan perjanjian tambahan bagi bayaran ansuran ini," katanya.

Ketika menjawab soalan Datuk Dr Jeffrey Kitingan (BN-Bingkor), Pembantu Menteri Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Negeri Datuk Karim Bujang berkata kerajaan negeri belum bercadang untuk mewujudkan pusat perkampungan budaya di Sabah.

Beliau berkata pusat pelancongan berasaskan budaya yang sedia ada di beberapa daerah di negeri itu telah membantu menjana ekonomi di kawasan terbabit dan oleh itu, tiada keperluan bagi memusatkan perkampungan budaya di bandar raya Kota Kinabalu.

-- BERNAMA

NT MAI